



26 Jun 2013
26 June 2013
P.U. (A) 184

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (NO. 2) 2013

MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT (NO. 2) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (NO. 2) 2013

BAHAWASANYA menurut Perkara 43 dan 43A Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang pertama Jadual sebagai Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri Kerajaan Persekutuan:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [*Akta 2*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2013**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 16 Mei 2013.

Fungsi-fungsi Menteri

2. (1) Diberitahu bahawa orang yang dinamakan dalam ruang pertama Jadual hendaklah mempunyai gelaran dan nama jawatan yang dinyatakan dalam ruang kedua bersempena dengan nama mereka masing-masing dalam Jadual.

(2) Orang yang namanya disebut dahulu dalam ruang pertama Jadual yang berhubungan dengan mana-mana jabatan atau perkara yang dinyatakan dalam ruang ketiga dan keempat yang bersempena dengan namanya hendaklah menjadi orang yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi jabatan atau perkara itu dan hendaklah dibantu oleh orang yang namanya terdapat di bawah nama orang yang mula-mula disebut itu dalam ruang pertama.

Pembatalan

3. (1) Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2013 [*P.U. (A) 152/2013*] dibatalkan.

(2) Walau apa pun subperenggan (1), Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, hendaklah terus menjadi Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab mengenai—

- (a) apa-apa fungsi yang tidak ditugaskan secara khusus kepada mana-mana Menteri di bawah Perintah ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain; dan
- (b) mana-mana jabatan Kerajaan Persekutuan yang tidak ditugaskan secara khusus kepada mana-mana Kementerian di bawah Perintah ini,

sehingga fungsi atau jabatan itu ditugaskan kepada mana-mana Menteri atau Kementerian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Kecualian dan peralihan

4. (1) Jika terdapat sesuatu sebutan tentang seseorang Menteri dengan sesuatu gelaran atau nama jawatan tertentu dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana fungsi di bawah undang-undang bertulis itu dan gelaran atau nama jawatan itu diubah melalui Perintah ini, sebutan itu hendaklah disifatkan sebagai sebutan tentang Menteri dengan gelaran atau nama jawatan yang baru itu.

(2) Jika terdapat sesuatu sebutan tentang seseorang Menteri dengan sesuatu gelaran atau nama jawatan tertentu dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana fungsi di bawah undang-undang bertulis itu dan fungsi itu telah dipindahkan melalui Perintah ini kepada seorang Menteri yang lain, sebutan itu hendaklah disifatkan sebagai sebutan tentang Menteri yang kepadanya fungsi itu telah dipindahkan.

JADUAL

MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN FUNGSI-FUNGSI MEREKA

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak	Perdana Menteri	Jabatan Perdana Menteri:	
Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Md. Yasin	Timbalan Perdana Menteri	Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP)	Penyelarasan dan pengawasan pelaksanaan dasar dan program pembangunan negara
Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (Bersara)	Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Penyelarasan penyertaan Bumiputera di Pulau Pinang Urus setia bagi Majlis Tindakan Negara
Senator Dato' Sri Iris Jala@Idris Jala	Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Penyelarasan dan pelaksanaan program dan projek khas
Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup	Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Penyelidikan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) di bawah Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983
Datuk Joseph Entulu anak Belaun	Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Merangka dasar dan strategi untuk pembangunan sosio-ekonomi
Dato' Seri Shahidan bin Kassim	Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Urus setia Jawatankuasa Kabinet mengenai Bumiputera Sabah dan Sarawak
Senator Datuk Paul Low Seng Kuan	Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Urus setia Jawatankuasa Kerja Bumiputera Sabah dan Sarawak
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri	Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Urus setia Majlis Tindakan Persekutuan Negeri
Senator Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar	Menteri di Jabatan Perdana Menteri	Unit Perancang Ekonomi (UPE)	Merangka dasar dan strategi untuk pembangunan sosioekonomi negara
Dato' Razali bin Ibrahim	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Menyediakan rancangan pembangunan jangka sederhana dan panjang
Senator Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Menyediakan belanjawan, mengawal dan menilai program dan projek pembangunan termasuk aspek pembangunan inklusif dan agenda Bumiputera

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Melaksanakan penyelidikan ekonomi dan menasihati Kerajaan mengenai isu-isu ekonomi
			Menyelaraskan penglibatan Malaysia dalam pembangunan kawasan pertumbuhan segi tiga (IMT-GT dan BIMP-EAGA)
			Mengawasi pengurusan nilai bagi projek-projek pembangunan dan menyediakan khidmat nasihat teknikal, kejuruteraan dan kos projek pembangunan
			Menyelaraskan isu-isu sosio-ekonomi yang melibatkan pelbagai sektor melalui mesyuarat Majlis Ekonomi
			Memperkukuhkan sumber bekalan tenaga bagi menjamin bekalan tenaga yang berkualiti, andal dan berkesan kos
			Mengawal selia aktiviti Ekuiti Nasional (EKUINAS)
		Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)	Merancang, menyelaraskan, menilai, merunding serta memantau semua projek penswastaan dan Kerjasama Awam Swasta (PPP) serta projek-projek pembangunan Koridor
		Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan	Urus setia Jemaah Menteri
			Perkara-perkara Perlembagaan Persekutuan
			Perkara-perkara Parlimen
			Perhubungan dengan Negeri-Negeri
			Penyelarasan urusan Kerajaan
			Hari Kelepasan Am
		Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)	Menerajui perubahan bagi memodenkan pentadbiran perkhidmatan awam
			Meningkatkan dan memperluaskan khidmat rundingan berkualiti kepada agensi-agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan untuk menghasilkan idea-idea yang kreatif dan inovatif, berkualiti tinggi serta dapat dilaksanakan secara kos efektif Memperkasakan penggunaan ICT untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam Memantapkan sistem pemantauan dan pengiktirafan dalam membangunkan perkhidmatan awam yang kompetitif Mempromosi usaha-usaha penambahbaikan yang diperkenalkan oleh perkhidmatan awam melalui pelbagai saluran media
		Bahagian Pengurusan Hartanah	Pengurusan tanah, bangunan, rumah rehat dan kuarters Kerajaan Persekutuan
		Majlis Keselamatan Negara (MKN)	Penggubalan dasar-dasar keselamatan negara dan penyelarasan langkah-langkah keselamatan negara Urus setia Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan semua jawatankuasa dan kumpulan kerja yang ditubuhkan di bawah MKN di peringkat Persekutuan dan Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) di peringkat Negeri yang menyentuh perkara keselamatan negara, ketenteraman awam dan pengurusan krisis serta bencana yang diletakkan di bawah bidang kuasa MKN Menyelaraskan penguatkuasaan Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984, menyelaraskan pelaksanaan operasi maritim dan pengurusan dan pengawalseliaan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan Pengurusan dasar dan operasi mengenai pendatang asing di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Pengurusan Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART)
			Penyelarasan kem dan pos Jawatankuasa Perancang Gerakan (JPG), Majlis Keselamatan Negara
			Pengurusan dan penyelarasan keselamatan sempadan darat dan maritim
			Menyelaraskan mekanisme ke arah peningkatan pengawasan dan pemeliharaan keselamatan dan kedaulatan perairan negara di Laut China Selatan
			Menyelaraskan pelaksanaan tugas, hak, tanggungjawab, kewajipan dan liabiliti Malaysia sebagai Negara Pihak kepada Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut 1982
			Dasar keselamatan dan kedaulatan maritim
			Hal ehwal kepulauan (<i>Outer islands affairs</i>)
			Menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar-dasar pengurusan bencana negara dan usaha-usaha ke arah Pengurusan Risiko Bencana
			Menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar-dasar keselamatan siber dan angkasa negara yang memberikan ancaman kepada keselamatan negara
			Menyelaraskan pelaksanaan mekanisme pengurusan pendatang tanpa izin yang memegang kad UNHCR
			Memantau dan merangka strategi bagi menangani isu-isu yang menjejaskan ketenteraman awam, keselamatan Negara dan integriti Kerajaan

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Menyelaraskan dan memantau perkiraan keselamatan di Zon Selamat Sabah Timur (ESSZONE)
		Bahagian Penyelidikan	Penyelidikan Kerajaan
		Biro Tatanegara	Penerangan serta penyelidikan mengenai keberkesanan dasar-dasar Kerajaan dan mengkaji jurang antara Kerajaan dengan rakyat
			Pemupukan semangat patriotisme dan nilai-nilai murni di kalangan rakyat Malaysia
		Biro Pengaduan Awam	Menguruskan aduan terhadap agensi sektor awam
		Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia	Pengurusan keselamatan perlindungan bagi Kementerian, jabatan dan agensi-agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri
			Keselamatan perlindungan bagi Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan
			Keselamatan bagi perlindungan rahsia rasmi kerajaan
		Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang	Urus setia Lembaga Pengampunan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi kes-kes di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya
			Urus setia Lembaga Pengampunan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi kes-kes keselamatan
			Memantau kedudukan perkara pengampunan di tiap-tiap Negeri
			Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang
			Pelantikan penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mengikut Akta Kanak-Kanak 2001
			Perancangan dan pembangunan projek mahkamah, Jabatan Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvency Malaysia (JIM)

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Pentadbiran Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952, termasuk perkara berkaitan dengan pendaftaran dan pemantauan perbadanan-perbadanan pemegang amanah
			Pelantikan anggota, dan laporan maklum balas tahunan, SUHAKAM
		Lembaga Penasihat	Menimbangkan representasi atau mengkaji semula kes-kes orang tahanan atau orang sekatan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan tahanan pencegahan
		Bahagian Istiadat dan Urus setia Persidangan Antarabangsa	Urus setia majlis-majlis rasmi Kerajaan Menyelaraskan lawatan Ketua Negara, dan Ketua Kerajaan negara asing ke Malaysia Memberikan nasihat dan menyediakan bantuan logistik bagi persidangan antarabangsa yang diadakan di Malaysia Memberikan nasihat dan sokongan dalam perkara yang berhubungan dengan istiadat dan protokol rasmi negara Urus setia bagi Jawatankuasa Pemilihan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan Urus setia bagi penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat negara asing kepada rakyat Malaysia Menyediakan kemudahan konvensyen yang terbaik dengan memastikan pengurusan konvensyen memenuhi kehendak pelanggan
		Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia	Menggubal dasar mengenai penguatkuasaan maritim negara dan urusan perolehan dan pembangunan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
		Unit Kawal Selia FELDA	Melaksanakan fungsi-fungsi pengawalseliaan ke atas FELDA
		Unit Seranta FELDA	Memantau dan melaporkan perkembangan sosiopolitik serta menggerakkan program pengukuhan sosial di rancangan FELDA
		Bahagian Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PERMATA)	Urus setia kepada Majlis Pelaksanaan Program PERMATA dan Jawatankuasa di bawahnya Menguruskan Pusat Anak PERMATA Negara sebelum pengurusannya diserahkan kepada Kementerian Pendidikan Menyelaraskan pemakaian Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan oleh taska yang dikelolakan oleh Kerajaan dan sektor swasta Menyelaraskan program-program PERMATA lain seperti PERMATA Pintar, PERMATA Seni, PERMATA Insan, PERMATA Remaja, PERMATA Kurnia Urus setia kepada Yayasan PERMATA Malaysia
		Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	Perancangan strategik sumber manusia bagi sektor awam Pembangunan organisasi yang meliputi perjawatan dan skim perkhidmatan Pembangunan modal insan dan kemajuan kerjaya Saraan dan faedah persaraan Pengurusan maklumat sumber manusia sektor awam Pengurusan psikologi sektor awam
		Jabatan Peguam Negara	Fungsi dan kuasa di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain dan pelaksanaan tugas-tugas lain yang bersifat undang-undang bagi pihak Kerajaan

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
		Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009
		Jabatan Audit Negara	Menjalankan pengauditan akaun dan aktiviti Kerajaan, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, Majlis Agama Islam dan pengurusan syarikat Kerajaan/agensi Kerajaan
		Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	Urus setia kepada Majlis Raja-Raja menurut Perkara 38 dan Jadual V Perlembagaan Persekutuan
		Istana Negara	Institusi Yang di-Pertuan Agong
		Institut Integriti Malaysia	Menganjurkan persidangan, seminar, forum dan program latihan berkaitan dengan integriti
			Mengendalikan penyelidikan berkaitan dengan integriti institusi dan masyarakat
			Mengemukakan perakuan-perakuan dasar kepada Kerajaan bagi meningkatkan integriti dan etika
			Menghimpunkan pendapat pelbagai sektor mengenai kemajuan atau halangan kepada pelaksanaan program-program integriti
			Menerbit dan mengedar bahan-bahan bercetak, menggubal pelaksanaan program-program dan strategi-strategi bagi meningkatkan integriti
			Memberikan khidmat nasihat kepada agensi-agensi Kerajaan dan sektor swasta mengenai program-program dan strategi-strategi bagi meningkatkan integriti
			Membangunkan pangkalan data mengenai etika
			Mewujudkan jaringan dengan organisasi-organisasi antarabangsa bagi membolehkan peranan dan sumbangan IIM diiktiraf di peringkat antarabangsa

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
		Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	Menjalankan fungsi-fungsi penguatkuasaan dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah undang-undang yang berhubungan dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
		Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)	Latihan bagi pegawai kehakiman dan perundangan serta pegawai penguat kuasa undang-undang
		Parlimen Malaysia	Urus setia bagi Mesyuarat Majlis-Majlis Parlimen dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Majlis itu
		Jabatan Perangkaan Malaysia	Mengumpulkan dan mentafsirkan perangkaan-perangkaan bagi maksud melengkapkan maklumat yang dikehendaki dalam membentuk atau menjalankan dasar Kerajaan dalam apa-apa bidang atau selainnya yang dikehendaki bagi maksud-maksud Kerajaan atau bagi memenuhi keperluan perdagangan, komers, perindustrian atau pertanian (termasuk perhutanan, perikanan dan perburuan)
			Jabatan hendaklah di mana ia fikirkannya bagi kepentingan awam mempunyai kuasa untuk menyampaikan perangkaan yang dikumpulkan olehnya atau pentafsirannya mengenai perangkaan yang dikumpulkan sedemikian bukan sahaja kepada jabatan Kerajaan atau orang yang untuknya maklumat itu telah dikumpulkan bahkan juga kepada pihak berkuasa atau orang lain yang baginya maklumat itu mungkin berguna
		Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia	Hal ehwal kehakiman
		Jabatan Bantuan Guaman	Bantuan guaman di bawah Akta Bantuan Guaman 1971
		Jabatan Insolvensi Malaysia	Perkara-perkara yang berhubungan dengan kebangkrapan dan penggulungan syarikat, pentadbiran harta pertubuhan dan kesatuan sekerja yang dibatalkan

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			pendaftaran
		Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah	Menjadi penghubung antara Kerajaan Negeri Sabah dengan Kerajaan Persekutuan
		Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak	Mengukuhkan jalinan dan kerjasama strategik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta memperkasakan pengurusan hartanah persekutuan Sarawak
		Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)	Kajian mengenai kefahaman Islam untuk: Membetulkan imej Islam yang telah dicemarkan oleh pelbagai pihak sebagai agama yang dikatakan mempunyai ciri-ciri keganasan, konservatisme, fanatisme, kemunduran, kemiskinan dan aspek-aspek negatif lain Menjelaskan kepada umum bahawa Islam ialah sistem hidup yang mendukung kebenaran, dinamik, toleran (muhibah) di samping mempunyai nilai-nilai murni yang bercorak universal Mewujudkan suasana harmoni dan perasaan saling hormat-menghormati, supaya semua orang Islam boleh menghayati kemuliaan Islam dan orang-orang bukan Islam pula berasa selamat di bawah undang-undang negara Mengadakan forum bagi para sarjana, kedua-dua Islam dan bukan Islam, untuk membincangkan dan menganalisa isu yang menjadi kepentingan bersama Mewujudkan kesedaran dan kefahaman yang mendalam tentang isu-isu antarabangsa yang memberi kesan langsung kepada umat Islam
		Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	Menggubal dasar dan strategi bagi pembangunan hal ehwal Islam Menyelaraskan dan mengawasi ajaran dan aktiviti untuk menjaga kesucian akidah dan Syariah Islam

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Merancang dan melaksanakan program bagi pembangunan dan kemajuan umat Islam di peringkat negara, serantau dan antarabangsa
			Menyelaraskan dan menyeragamkan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang Islam
			Merancang dan melaksanakan program dakwah dan latihan dalam bidang pengurusan hal ehwal Islam dan tahfiz al-Quran
			Menggubal dasar dan strategi bagi pembangunan industri halal
			Menyelia dan membantu Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
			Merancang dan menyelaraskan program pengimarah dan pengurusan masjid-masjid di Wilayah Persekutuan
			Urus setia bagi Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) dan semua jawatankuasa dan kumpulan kerja yang ditubuhkan di peringkat Persekutuan
			Urus setia bagi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan
			Urus setia bagi Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI)
		Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993
		Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan	Penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya
		Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	Menyelaraskan tatacara Mahkamah Syariah untuk diterima pakai oleh Negeri-Negeri
			Perkara kehakiman Syariah

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
		Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)	Menyelaraskan kegiatan dakwah Islam Menjalankan kegiatan dakwah termasuklah menganjur program-program seperti seminar, forum, ceramah, bengkel dan sebagainya bagi meningkatkan kefahaman mengenai Islam Menerbitkan bahan-bahan penerangan mengenai Islam, dan menangani dengan kebijaksanaan dakwah-dakwah memburukkan Islam dan penyebaran ajaran-ajaran Islam yang diselewengkan Memanfaatkan kaedah-kaedah baru dan teknologi terkini di dalam dakwah Melahirkan pendakwah-pendakwah Islam yang berpengetahuan dan berkemahiran
		Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan	Memberikan nasihat tentang perkara yang berhubungan dengan kefahaman Islam yang terdiri daripada akidah, Syariah dan ibadah Menentukan isu dan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan yang memerlukan fatwa
		Jabatan Zakat, Wakaf dan Urusan Haji	Menyelia, memantau dan menyelaraskan urusan zakat, wakaf dan haji
		Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional	Merancang, menggubal dan memantau dasar-dasar Kerajaan berkenaan perpaduan negara dan integrasi nasional Memelihara, meningkatkan dan mengukuhkan perpaduan negara dan integrasi nasional Memelihara, meningkatkan dan mengukuhkan keselamatan dan keharmonian masyarakat Meningkatkan kefahaman dan amalan Rukun Negara di kalangan rakyat Malaysia

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Meningkatkan persefahaman dan keharmonian antara penganut-penganut agama
		Unit Pelaksanaan Pengurusan Prestasi (PEMANDU)	Menyelaraskan dan memantau pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi dan memantau prestasi Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri dan Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian
		Unit Perlindungan Saksi	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009
		Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan	Hal ehwal pelantikan, pengesahan, pemberian taraf berpencen, kenaikan pangkat, pertukaran dan kawalan tatatertib bagi anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 138(1) dan 144 Perlembagaan Persekutuan
		Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	Hal ehwal pelantikan, pengesahan, pemberian taraf berpencen, kenaikan pangkat, pertukaran dan kawalan tatatertib bagi anggota perkhidmatan awam am persekutuan, perkhidmatan awam bersama Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 139 dan 144 Perlembagaan Persekutuan
		Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	Pelantikan dan hal ehwal perkhidmatan pegawai-pegawai perkhidmatan pelajaran persekutuan
		Suruhanjaya Pilihan Raya	Menjalankan pilihan raya ke Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri
			Menyediakan dan menyemak daftar pemilih bagi mana-mana pilihan raya itu
			Mengkaji semula pembahagian Persekutuan dan Negeri-Negeri kepada bahagian pilihan raya dan mengesyorkan perubahan yang

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Suruhanjaya Pilihan Raya dapati perlu
		Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999
		Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009
		Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009
		Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat	Melaksanakan fungsi-fungsi perancangan, pengawalseliaan, penguatkuasaan dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, dan apa-apa fungsi lain yang diberi kuasa oleh mana-mana Akta lain
		Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	Pembukaan dan pembangunan kawasan baru sebagai kawasan pertanian dan penempatan Kesejahteraan peneroka Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan
		Lembaga Tabung Haji	Mentadbirkan Kumpulan Wang Lembaga Tabung Haji serta mentadbirkan segala perkara yang berkenaan dengan kebajikan jemaah haji dan merumuskan dasar yang berkaitan dengannya
		Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP)	Pelesenan di bawah dan penguatkuasaan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987
		Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YAPEIM)	Mengembang dan memajukan agama Islam dan umumnya untuk tujuan amal jariah (kegiatan sadaqah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh), pembangunan ekonomi, pendidikan sosial dan kebajikan terutamanya di kalangan umat Islam, dan semua kegiatan-kegiatan tersebut mestilah

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			berasaskan prinsip Islam
		Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa (ISIS)	Kajian strategi dan advokasi atas perkara-perkara berikut: Dasar luar dan keselamatan Ekonomi nasional dan antarabangsa Teknologi, inovasi, alam sekitar dan kemampanan Perpaduan negara dan pembangunan nasional Pembangunan sosial Menganjurkan mesyuarat, bengkel, seminar dan persidangan tentang isu-isu kepentingan nasional dan global Menjalin rangkaian dua hala dan serantau serta perundingan dan kerjasama di peringkat “Trek Kedua” (bukan kerajaan)
		Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur	Mempromosikan timbang tara perdagangan antarabangsa di rantau Asia Pasifik Menyelaraskan dan membantu aktiviti-aktiviti institusi timbang tara yang sedia ada di rantau Asia Pasifik Memberikan bantuan dalam pengendalian timbang tara ad hoc, terutamanya yang diadakan di bawah Kaedah-Kaedah UNCITRAL Membantu dalam penguatkuasaan award timbang tara Menyediakan khidmat timbang tara di bawah naungan KLRCA Menjalankan fungsi-fungsi yang terkandung dalam perjanjian dengan Pusat Antarabangsa bagi Penyelesaian Pertikaian Pelaburan (<i>International Centre for the Settlement of Investment Disputes - ICSID</i>)

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Menyediakan pilihan alternatif bagi penyelesaian pertikaian seperti pendamaian/pengantaraan di bawah Kaedah-Kaedah Pendamaian KLRCA
			Menguruskan pertikaian nama domain .my antarabangsa dan domestik di bawah Peraturan-Peraturan dan Dasar MYDRP dan Kaedah-kaedah Tambahan KLRCA
			Mentadbir pertikaian nama domain generik tahap teratas di bawah Memorandum Persefahaman yang ditandatangani dengan Pusat Penyelesaian Pertikaian Nama Domain Asia (ADNDRC) dan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Hong Kong (HKIAC)
			Melantik penimbang tara bagi pihak-pihak yang bertikai apabila diminta di bawah Kaedah-Kaedah bagi Timbang Tara KLRCA dan Akta Timbang Tara 2005 [Akta 646]
			Sebagai pihak berkuasa adjudikasi di bawah Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012 (Akta CIPAA 2012) yang bertanggungjawab untuk:
			Menetapkan piawaian kewibawaan dan kriteria seorang adjudikator
			Menentukan terma-terma standard pelantikan dan fi untuk seseorang adjudikator
			Memberi sokongan pentadbiran untuk perjalanan adjudikasi
			Apa-apa fungsi yang dikehendaki bagi memastikan perjalanan cekap adjudikasi
			Melantik adjudikator untuk parti-parti dalam pertikaian apabila diminta di bawah Akta CIPAA 2012

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Mengesyorkan kepada Menteri Kerja Raya apa-apa peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan sepenuhnya atau menjalankan peruntukan Akta CIPAA 2012 sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 39 Akta
			Mengesyorkan kepada Menteri Kerja Raya mengenai hal pengecualian mana-mana orang atau golongan orang atau mana-mana kontrak, perkara atau transaksi daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta CIPAA 2012, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 40 Akta
	Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)		Pemilikan dan hak eksklusif, kuasa dan kebebasan untuk eksplorasi, eksploitasi, kemenangan (<i>winning</i>) dan perolehan petroleum dalam dan di luar Malaysia
			Pembangunan usaha sama minyak dan gas dalam negara dan luar negara, termasuk penerokaan dan pengeluaran minyak dan gas, penapisan minyak, pemasaran dan pengagihan produk petroleum, pemprosesan dan pencairan gas (<i>liquefaction</i>), operasi rangkaian saluran paip penghantaran gas, pemasaran dan perdagangan gas asli cecair (<i>liquefied natural gas</i>)
			Pengilangan dan pemasaran produk produk petrokimia
			Perkapalan dan pengangkutan produk-produk teras
			Penyelidikan dan pembangunan
			Pelaburan hartanah
			Infrastruktur penyimpanan dan pengagihan termasuk terminal regasifikasi (<i>regas</i>)
			Usaha sama gas dan tenaga di Malaysia dan di luar negara

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
		Amanah Raya Berhad	Pentadbiran amanah, harta pusaka dan harta musuh dan fungsi-fungsi lain seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Perbadanan Amanah Raya 1995
		Kumpulan Industri Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT)	Pembangunan industri teknologi tinggi dan strategik melalui aplikasi teknologi dan pemupukan teknologi bagi pembangunan negara Pengurusan program Foresight Nasional Pengauditan dan penilaian teknologi, kompetensi dan prestasi industri dan penyelidikan Berfungsi sebagai “Technology Depository Agency” bagi pengurusan offset negara Urus setia bagi Majlis Aeroangkasa Malaysia Urus setia bagi “Global Science and Innovation Advisory Council (GSIAC)” Unit sokongan kepada Penasihat Sains kepada Perdana Menteri
		Talent Corporation Malaysia Berhad	Mengenal pasti, menyelaraskan dan melaksanakan inisiatif ke arah memperkukuhkan bekalan modal insan berkemahiran tinggi yang diperlukan oleh Malaysia untuk mencapai ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 melalui kerjasama erat dan berkesan dengan pakar global, syarikat terkemuka serta agensi Kerajaan yang berkenaan
		Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia	Merancang, meneraju dan menyelaraskan pelaksanaan program pembangunan tenaga nuklear serta memastikan pembangunan infrastruktur nuklear negara selaras dengan garis panduan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA)
		Teraju Bumiputera Corporation	Meneraju, menyelaraskan dan memacu penyertaan golongan Bumiputera dalam bidang ekonomi

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			melalui inisiatif baru dan sedia ada serta mengemukakan cadangan pembaharuan yang perlu untuk meningkatkan tahap keberkesanan program yang berkaitan dengan agenda pembangunan Bumiputera
			Urus setia bagi Majlis Tindakan Agenda Bumiputera
		Agensi Inovasi Malaysia	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Agensi Inovasi Malaysia 2011
		Syarikat Perumahan Rakyat 1Malaysia Berhad	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Perumahan Rakyat 1Malaysia 2012
		Institut Wasatiyyah Malaysia	Menggerakkan fahaman wasatiyyah melalui media massa serta melaksanakan penyelidikan berkaitan dengan isu-isu wasatiyyah
Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak	Menteri Kewangan	Kementerian Kewangan:	Menggubal dasar-dasar yang berhubungan dengan ekonomi, fiskal, kewangan dan strategi belanjawan tahunan negara
Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah	Menteri Kewangan Kedua		Melaksanakan fungsi-fungsi dan aktiviti-aktiviti yang berhubungan dengan ekonomi, kewangan, cukai, belanjawan, perolehan kerajaan, pinjaman perumahan, pentadbiran kewangan, syarikat dan badan berkanun Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) serta pengurusan kewangan sektor awam
Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan	Timbalan Menteri Kewangan		Melaksanakan fungsi kawal selia ke atas peruntukan dan projek pembangunan di bawah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri
			Mengawal selia hal berkaitan judi
			Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001
		Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta	Memberikan nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri, badan-badan berkanun dan pihak-pihak

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			berkuasa tempatan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan penilaian tanah dan bangunan dan pengurusan tanah dan maklumat tentang tanah
		Jabatan Akauntan Negara	Menyediakan akaun awam Persekutuan mengikut kehendak perundangan dan profesional
			Memberikan khidmat rundingan dan nasihat perakaunan
			Memastikan pematuhan dan penguatkuasaan tatacara pengurusan kewangan dan perakaunan seperti yang ditetapkan di bawah undang-undang yang berkaitan
		Kastam Diraja Malaysia	Pungutan duti kastam dan eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan levi kenderaan
			Penguatkuasaan kawalan ke atas import dan eksport barang-barang
			Penguatkuasaan kawalan ke atas penilaian, tarif dan penjenisan bagi perlindungan industri-industri tempatan
			Penguatkuasaan kawalan ke atas kemudahan-kemudahan bagi industri-industri tempatan dan pelaksanaan dasar duti "drawback" ke atas barang-barang siap yang dieksport
			Penguatkuasaan dasar-dasar mengenai Zon Perdagangan Bebas, gudang-gudang pembuat berlesen, gudang-gudang berlesen awam/swasta dan pengangkutan barang-barang berduti dalam transit melalui air, udara dan darat
			Pengesanan dan pencegahan pengelakan duti dan kesalahan-kesalahan yang berkaitan di bawah undang-undang kastam
			Penghapusan samsu gelap dan perkara-perkara yang berkaitan dengan penghapusan itu

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Pengawalan sempadan, perhentian pemeriksaan dan perairan negara
		Bank Negara Malaysia	Pengeluaran mata wang negara dan penjagaan nilainya Bertindak sebagai penasihat kewangan dan jurubank kepada Kerajaan Penggalakan kestabilan kewangan dan struktur kewangan yang kukuh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 Pengawasan pengendalian Syarikat Takaful Malaysia Berhad Memberikan perkhidmatan nasihat kepada Kerajaan mengenai perkara-perkara insurans
		Lembaga Hasil Dalam Negeri	Bertindak sebagai ejen Kerajaan dan memberikan perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pusaka, duti setem dan apa-apa cukai lain sebagaimana yang dipersetujui antara Kerajaan dengan Lembaga Menasihatkan Kerajaan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan percukaian dan berhubung dengan Kementerian dan badan berkanun yang berkenaan tentang perkara-perkara itu Turut serta di dalam atau di luar Malaysia dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan percukaian Menjalankan apa-apa fungsi lain yang diberi kepada Lembaga oleh mana-mana undang-undang bertulis Bertindak sebagai ejen pemungutan untuk dan bagi pihak mana-mana badan untuk mendapatkan

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			pinjaman yang kena dibayar balik kepada badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis
		Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)	Mentadbir suatu sistem insurans deposit dan suatu sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 Memperuntukkan insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit yang baginya anggota penerima deposit adalah bertanggung dan memperuntukkan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans yang baginya anggota penanggung insurans adalah bertanggung Mengadakan insentif bagi pengurusan risiko yang wajar dalam sistem kewangan Menggalakkan atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan
		Lembaga Pembangunan Langkawi	Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan sosioekonomi di Kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi Memajukan dan menggalakkan Kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancongan dan kawasan bebas cukai Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan pelancongan dan infrastruktur dan pembangunan tempat kediaman, pertanian, perindustrian dan perdagangan di Kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi Menyelaraskan prestasi aktiviti-aktiviti yang tersebut di atas di Kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
		Lembaga Totalisator Malaysia	Mengawasi, mengawal dan melaksanakan operasi totalisator berdasarkan perlumbaan kuda di Malaysia dan Singapura selaras dengan skim dan tatacara yang diluluskan
		Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Menyediakan skim persaraan yang akan membantu anggota-anggota tua dan sebagai suatu skim jaminan sosial di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991
			Sumber kewangan Kerajaan
		Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	Mentadbir dan menguruskan Kumpulan Wang mengikut dan bagi maksud yang ditetapkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 dan melakukan apa-apa perkara lain yang dikehendaki atau dibenarkan untuk dilakukan di bawah Akta ini
		Bank Simpanan Nasional	Penggalakan tabiat berjimat-cermat di kalangan penyimpan-penyimpan kecil dan orang awam
			Penggunaan wang simpanan bagi pelaburan termasuk membiayai pembangunan ekonomi negara
			Pengambilalihan fungsi-fungsi dan tanggungjawab Bank Simpanan Pejabat Pos
		Khazanah Nasional Berhad	Memperoleh, memegang dan menguruskan ekuiti pelaburan yang dipegang oleh Menteri Kewangan Diperbadankan dalam syarikat-syarikat Kerajaan
		Bursa Malaysia	Mentadbir tatalaku anggotanya dalam urusan niaga sekuriti
			Bertanggungjawab bagi pengawasan pasaran dan bagi penguatkuasaan syarat-syarat penyenaraian yang menjelaskan kriteria bagi penyenaraian, keperluan pendedahan dan piawaian yang perlu disenggarakan oleh syarikat tersenarai
		Suruhanjaya Sekuriti	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993
		Yayasan Tun Razak	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976
		Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998
		Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996
Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Md. Yasin	Menteri Pendidikan	Kementerian Pendidikan:	Perancangan, penubuhan dan pengurusan institusi pendidikan prasekolah, rendah, menengah, lepas menengah, matrikulasi, institut pendidikan guru, pendidikan khas, pendidikan teknik dan vokasional, institusi pendidikan tinggi awam (IPTA), institusi pendidikan tinggi swasta (IPITS), politeknik dan kolej komuniti
			Mengawal selia institusi pendidikan swasta yang didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1996
Dato' Seri Idris bin Jusoh	Menteri Pendidikan Kedua		Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah:
Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin	Timbalan Menteri Pendidikan		Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959
Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan	Timbalan Menteri Pendidikan Kedua		Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980
			Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966
			Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
			Akta Politeknik Ungku Omar 1974
			Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996
			Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996
			Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			1997
			Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007
			Akta Universiti Teknologi Mara 1976
			Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976
			Akta Pendidikan 1996
	Lembaga Peperiksaan		Menguruskan peperiksaan awam peringkat rendah dan menengah, iaitu Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Pelajaran Malaysia (Ulangan) (SPMU), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan peperiksaan luar negara yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan di Malaysia.
	Institut Aminuddin Baki		Merancang dan melaksanakan program latihan dalam pengurusan pentadbiran sekolah dan kepimpinan pendidikan
	Majlis Peperiksaan Malaysia		Menguruskan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan <i>Malaysian University English Test</i> (MUET)
	Dewan Bahasa dan Pustaka		Kemajuan dan pengayaan bahasa kebangsaan dan kesusasteraan
	Institut Terjemahan dan Buku Malaysia		Menterjemahkan bahasa asing kepada bahasa Melayu dan sebaliknya
			Menambahkan kepustakaan berbahasa Melayu
			Mengantarabangsakan karya kebangsaan
			Membangunkan modal insan dalam industri penterjemahan dan penerbitan buku
	Perbadanan Kota Buku		Pusat sehenti bagi kegiatan pembukuan
			Beroperasi sebagai rangkaian penghubung penerbitan di

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			peringkat global dan domestik
		PADU Corporation	Menyediakan khidmat sokongan, sumber manusia dan khidmat pengurusan kepada Kementerian Pendidikan berkaitan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025
		Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan	Bertanggungjawab memberikan nasihat kepada Menteri dalam apa-apa perkara berhubungan dengan pendidikan pada dan apabila diperlukan
		Agensi Kelayakan Malaysia	Melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)
			Mengawal standard dan kualiti kursus pengajian di institusi pendidikan tinggi
			Menyenggarakan Daftar Kelayakan Malaysia (MQR)
		Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	Pengurusan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
			Menguruskan pinjaman kewangan bagi pelajar di institusi pendidikan tinggi
			Pungutan bayaran balik pinjaman
		Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman	Pengurusan Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman
		Education Malaysia Global Services	Pusat sehati bagi memantau, menyelia dan menyelaraskan urusan berkaitan promosi, pemasaran dan perkhidmatan sokongan bagi pelajar antarabangsa dalam negara
		Yayasan Sukarelawan Siswa	Membangunkan kemahiran insaniah dari aspek kesukarelawan di kalangan pelajar-pelajar sehingga ke peringkat antarabangsa
Datuk Seri Palanivel a/l K. Govindasamy	Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar:	Penggubalan, penyemakan dan pindaan dasar, perundangan dan garis panduan yang berhubungan dengan sumber asli dan alam sekitar

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
Dato Dr. James Dawos Mamit	Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar		Pengurusan pelaksanaan dasar, strategi dan program yang berhubungan dengan pemuliharaan dan pengurusan sumber asli dan alam sekitar Penguatkuasaan dan pemantauan pelaksanaan dan pematuhan dasar, perundangan dan garis panduan yang berhubungan dengan pengurusan, pemuliharaan dan penggunaan sumber asli dan alam sekitar Urus setia kepada mesyuarat Majlis Tanah Negara, Majlis Perhutanan Negara, Majlis Mineral Negara, Majlis Sumber Air Negara dan Majlis Biodiversiti – Bioteknologi Negara dan Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Mempengerusikan Mesyuarat Kebangsaan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Berkaitan Alam Sekitar Kebangsaan Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Penyelarasan Pembangunan di Kawasan Tanah Tinggi dan Pulau-Pulau Pelaksanaan program dan aktiviti pembangunan berkaitan dengan sumber asli dan alam sekitar mengikut rancangan pembangunan lima tahun Kerajaan Pelaksanaan program dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berhubungan dengan sumber asli dan alam sekitar Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Terancam 2008 sebagai Pihak Berkuasa Pengurusan Utama dan Pihak Berkuasa Saintifik Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Biokeselamatan 2007, Akta Kumpulan Wang Industri Timah (Penyelidikan dan Pembangunan)

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			1953 dan Akta Ahli Geologi 2008
			Pengurusan dan penggubalan undang-undang mengenai isu-isu yang berhubungan dengan akses kepada sumber biologi dan perkongsian kepentingan pengetahuan tradisi
			Penyelarasan, pemantauan dan pengurusan obligasi, penyertaan, pelaksanaan aktiviti dan pendirian negara di bawah Perjanjian-Perjanjian Alam Sekitar Pelbagai Hala, Serantau dan Dua Hala
			Penyelarasan, pemantauan dan penetapan pendirian negara di bawah kerjasama serantau dan antarabangsa dalam pengurusan sumber asli
			Pemantauan dan pengawalan Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958
		Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah:
			Akta Penyiasatan Kajibumi 1974
			Akta Pembangunan Mineral 1994
			Akta Kawalan Timah 1954
			Pelaksanaan eksplorasi mineral secara sistematik
			Pelaksanaan penyiasatan dalam pelbagai bidang geosains secara sistematik
			Menyediakan perkhidmatan analisis geokimia dan ujian fizikal ke atas bahan batuan dan mineral
			Bertindak sebagai bank data nasional bagi semua maklumat berkaitan dengan geosains dan sumber mineral negara
			Pengumpulan, analisis dan penyebaran data dan maklumat yang berhubungan dengan

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			eksplorasi mineral, perlombongan dan aktiviti yang berkaitan Menyediakan perkhidmatan nasihat teknikal dan kepakaran dalam bidang mineral, geosains, perlombongan dan pengkuarian Membantu sektor swasta dan industri dalam usaha membangunkan sektor mineral Memastikan aktiviti perlombongan mineral dan aktiviti yang berkaitan dijalankan dengan cara yang selamat, cekap dan sistematik Pelaksanaan dasar dan arahan Kerajaan yang berhubungan dengan industri mineral dan geosains dan pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang Penyelidikan dan pembangunan (R&D), pemindahan teknologi, pembangunan sumber mineral serta mempromosikan hasil penyelidikan supaya diguna pakai oleh pihak industri
		Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)	Pengurusan, pemeliharaan, pemuliharaan dan pembangunan sumber hutan berasaskan prinsip-prinsip pengurusan hutan secara mampan Perlindungan dan pemuliharaan kepelbagaian biologi hutan, sumber-sumber genetik dan meningkatkan penyelidikan dan pembangunan operasi hutan, ekopelancongan dan pendidikan Penggalakan penyertaan Bumiputera dalam sektor perhutanan Kerjasama antarabangsa, serantau dan dua hala dalam bidang dan isu-isu yang berhubungan dengan perhutanan Penyeliaan hutan simpanan kekal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
